

Bina landskap elak sampah haram

Beberapa agensi berwajib rangka strategi atasi masalah pembuangan sampah berulang

KELANANG - Isu sampah haram di sesebuah kawasan dapat diselesaikan dengan cara mewujudkan landskap atau menanam bunga di kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Dr Daroyah Alwi mencadangkan pembinaan sebuah landskap yang cantik membantu mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab membuang sampah dengan sewenang-wenangnya.

Menurutnya, beliau menegaskan bahawa penting untuk membersihkan kawasan seperti ini memandangkan ia juga menjadi tempat pembiakan aedes yang membawa kepada peningkatan wabak denggi di negeri Selangor.

"Saya sempat tinjau kawasan pembuangan sampah haram di Bukit Jugra dan ternyata usaha Pejabat Daerah dan Tanah mengindahkan ta-

pak tersebut perlu dicontohi.

"Saya harap masalah sampah haram di kawasan awam diambil perhatian supaya tidak berulang semula," katanya yang turut hadir membuat gimik pembersihan di kawasan tapak sampah haram berhampiran Bukit Jugra kelmarin.

Daroyah yang hadir dalam Program Desa Cycling Tour Daerah Kuala Langat anjuran Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor, Majlis Daerah Kuala Langat serta Kelab Berbasikal Temasya Crankers turut melihat program berbasikal merentas kawasan desa daerah ini selain sempat melawat asnaf fakir miskin dan golongan kurang upaya.

Pegawai Daerah dan Tanah Kuala Langat, Rosli Othman berkata, program yang mempromosikan kesihatan riadah



Daroyah sedang mendengar taklimat pembersihan tapak sampah haram di Bukit Jugra daripada Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Md Hasrul Faiz Borhanudin (dua, kiri) sambil diperhatikan oleh Rosli (dua, kanan).

melalui konsep berbasikal secara 'fun ride' sejauh 25 kilometer itu turut membawa kesemua peserta berbasikal melihat aktiviti gotong-royong pembersihan sampah haram dan melawat lima buah rumah asnaf fakir miskin dan golongan kurang upaya.

Menurutnya, pembersih-

an kawasan sampah haram itu telah dilakukan sejak Khamis lalu dan selesai kelmarin.

"Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung telah melakukan kerja-kerja pembersihan dengan membuang sisa-sisa sampah haram

ke kawasan tapak pembuangan sampah.

"Kita juga menambak tanah merah di sepanjang kawasan awam yang dijadikan lokasi sampah haram sebagai langkah membersihkan semula laluan awam yang pernah didakwa oleh penduduk sebelum ini," katanya.

Rosli berkata, pihaknya membawa peserta berbasikal ke tapak aktiviti gotong-royong sampah haram di Bukit Jugra sebagai usaha mempromosikan kesihatan persekitaran yang bersih dan menunjukkan usaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat yang sentiasa berusaha membersihkan tapak-tapak pembuangan sampah haram.

Katanya lagi, isu sampah haram merupakan masalah yang sukar untuk diselesaikan namun kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat bersama-sama pelbagai pihak termasuk Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah menyusun beberapa pelan tindakan bersama berdasarkan bidang kuasa masing-masing bagi mengurangkan masalah ini.